UUM/DD49/UM/18.10.2005/P: 26 (5)

Perkhidmatan selia kenderaan EON di UUM

UUM 18/10/2005 26:5

ALOR STAR 17 Okt. – Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) menyediakan perkhidmatan penyeliaan kenderaan di Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi membolehkan warga kampus mendapatkan pemeriksaan kereta sebelum pulang berhari raya nanti.

Pakej balik kampung itu dikendalikan oleh anak syarikat UUM, Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB) dan mula beroperasi hari ini hingga 26 Oktober ini.

Menurut Pengurus Kewangan dan Pentadbiran UMHSB, Mohamad Zulkurnai Ghazali, operasi tersebut dijalankan di kawasan letak kereta berhampiran bangunan Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan bangunan Fakulti Teknologi Maklumat.

Beliau berkata, ia beroperasi mulai pukul 9 pagi hingga 5 petang pada setiap Isnin hingga Rabu.

Katanya, projek tersebut diharap dapat memberi peluang kepada kakitangan yang bekerja menghantar kenderaan mereka untuk pemeriksaan di Kampus Sintok.

Mereka tidak lagi perlu mengambil cuti atau ke pusat operasi di Alor Star atau Kangar untuk membuat pemeriksaan kenderaan tetapi cukup sekadar membuat panggilan di talian 04-7338187 dan kenderaan mereka akan di ambil oleh kakitangan EON.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Sementara itu, Pengurus Wilayah Utara EON, Chandra Rajan berkata, projek itu diharap bukan sahaja dapat membantu kakitangan dan pelajar UUM untuk membuat pemeriksaan kenderaan malah membantu mereka mendapatkan panduan keselamatan untuk pulang berhari raya.

Beliau berkata, ia penting memandangkan setiap kali menjelang perayaan angka kecelakaan jalan raya terus meningkat terutama melibatkan pemilik kenderaan.

"Oleh itu program seperti ini diharap dapat mengurangkan jumlah kemalangan di jalan raya," katanya.

Di samping itu, EON juga menyediakan cenderamata khas kepada pengunjung yang membuat pemeriksaan di bengkel sementara tersebut.